



23 APR, 2025

S'wak bakal tenaga elektrik ke Sabah selepas projek grid siap

Harian Ekspres (KK), Malaysia



S'wak bakal tenaga elektrik ke Sabah selepas projek grid siap

KOTA KINABALU: Sarawak optimis rancangan untuk membekalkan 30 megawatt tenaga elektrik ke Sabah dapat direalisasikan selepas projek Northern Grid Extension di utara negeri berkenaan siap kelak.

Menteri Utiliti dan Telekomunikasi negeri Datuk Seri Julaihi Narawi berkata berdasarkan kemajuan terkini, projek grid itu sudah di peringkat akhir untuk disiapkan, sekali gus meletakkan sasaran siap sepenuhnya pada penghujung tahun ini.

"Kita telah menandatangani program pertukaran kuasa dengan Sabah. Pada asalnya, kita bersetuju untuk membekalkan 30 megawatt (tenaga elektrik) kepada Sabah tertakluk kepada siapnya grid di bahagian utara Sarawak.

"Apabila siap nanti, insya-Allah, kita boleh membekalkan 30 megawatt atau kita boleh tingkatkan kepada 50 megawatt atau 80 megawatt bergantung kepada keperluan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Suruhanjaya Tenaga Sabah dan Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak bagi mewujudkan penyeragaman dalam kawal selia peralatan elektrik serta kelengkapan gas di sini, Selasa.

Dalam perkembangan berkaitan, Julaihi berkata Sarawak akan menyiapkan projek Borneo Grid terlebih dahulu sebelum mengambil langkah membekalkan tenaga elektrik ke Filipina, seperti disarankan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Julaihi berkata ia adalah rancangan jangka panjang dan memerlukan kajian kebolehlaksanaan dijalankan. -Bernama